

**Pembangunan Pengisian Kandungan Perlu Dijadikan Industri Besar - Najib Bernama**  
**8 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak meminta penyiar di negara ini supaya berusaha menjadikan pembangunan pengisian kandungan siaran sebagai sebuah industri yang besar selaras hasrat Malaysia untuk muncul negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana menteri berkata antara langkah yang boleh diambil adalah menawarkan kandungan siaran kepada penyiar lain di negara anggota Asean dan pada masa sama membeli kandungan siaran mereka.

"Dengan cara ini kita akan dapat pasaran yang lebih besar lagi," katanya ketika berucap melancarkan siaran kabel televisyen digital ABNxcess kendalian Asian Broadcasting Network (M) Sdn Bhd (ABN).

Najib berkata Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk membangunkan pengisian kandungan kerana rakyat negara ini mempunyai bakat luar biasa.

"Saya lihat rakyat Malaysia memang mempunyai bakat. Cuma apa yang diperlukan ialah peluang atau ruang permintaan untuk bakat mereka," katanya.

Perdana menteri berkata permintaan kepada bakat yang dimiliki rakyat negara ini boleh dipenuhi melalui kemudahan siaran kabel televisyen digital seperti yang ditawarkan ABN.

"Saya harap dengan adanya siaran oleh ABN ini ramai rakyat akan dapat peluang untuk tunjukkan kebolehan bukan sahaja di negara ini, malah peringkat serantau dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata kewujudan ABNxcess itu akan mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan tetap secara langsung dan 15,000 peluang pekerjaan secara tidak langsung yang ditawarkan ABN.

Najib berkata penyediaan stesen televisyen kabel itu juga membolehkan rakyat negara ini menikmati akses kepada maklumat dan hiburan serta internet pada harga berpatutan.

"Sekali gus kemunculan ABN akan merapatkan jurang digital antara kawasan wilayah dan bandar perniagaan," katanya.

Dalam ucapannya Najib turut memuji langkah ABN yang berhasrat mewujudkan sebuah kompleks bersepadu menjelang 2015 dengan berkata: "Dalam kita menjurus kepada negara maju menjelang tahun 2020, kemudahan seperti ini amat wajar ditawarkan".

Pakej televisyen ABNxcess yang dikenali sebagai 'ezcess50' menawarkan 68 saluran dengan 50 daripadanya adalah dari serata dunia, tujuh siaran radio serta internet berkelajuan tinggi pada harga RM129 sebulan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954890>

